



**PERSATUAN SUKAN DAN KEBUDAYAAN
PERKHIDMATAN PELAJARAN PERAK
JABATAN PELAJARAN PERAK 1978-07-PRK**

Jalan Tun Abdul Razak, 30640, Ipoh, Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-242 3727 Faks: 05-253 9809 Email: unit_sukan@yahoo.com



"1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. kami: J.Pel.Pk. (Suk)SULIT/5134/05/09/Jld.4()

Tarikh: 16 Zulhijjah 1438H
7 September 2017

Kepada:

SESIAPA YANG BERKENAAN,

Tuan,

**SEBUT HARGA MENERBIT, MENCETAK, MEMBEKAL, MENGEMASKINI DAN MENGHANTAR
BUKU "PENDIDIK BESTARI 2018" JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK**


Sukacita saya merujuk perkara di atas.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa Persatuan Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pendidikan (PSKPP) Perak ingin mempelawa sebut harga di atas kepada syarikat percetakan yang berminat bagi tujuan menerbit, mencetak, membekalkan, mengemaskini dan menghantar Buku "PENDIDIK BESTARI 2018" sebanyak 41,000 (empat puluh satu ribu) naskah.
3. Sehubungan itu, kepada yang berminat untuk menyertai tawaran sebut harga tersebut sila hadir ke Pejabat Pusat Kecemerlangan Sukan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Jalan Temenggong, Off Jalan Pasir Puteh, Ipoh untuk mengambil cadangan spesifikasi - lampiran 1, cadangan kandungan – lampiran 2, borang sebut harga - lampiran 3, dan contoh Buku Pendidik Bestari (selagi masih ada stok) untuk tindakan dan perhatian pihak tuan. Bayaran secara tunai sebanyak RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh sahaja – tidak dikembalikan) dikenakan bagi mendapatkan dokumen-dokumen tersebut.
4. Borang sebut harga – lampiran 3 hendaklah dikembalikan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda **Sebut Harga PSKPP Perak BPB2018** dan dimasukkan ke peti tawaran di Pusat Kecemerlangan Sukan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Jalan Temenggong, Off Jalan Pasir Puteh, 31650, Ipoh pada atau sebelum 06 OKTOBER 2017, jam 3.00 petang.
5. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi En. Nor Azami Ijam ditalian 05-242 3727 / 017-551 3741. Kerjasama dan sokongan pihak tuan amat kami dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(HAJI MAT LAZIM BIN IDRIS, AMP.)
Yang Dipertua

ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA
MENERBIT, MENCETAK, MEMBEKALKAN, KEMASKINI DAN MENGHANTAR
BUKU PENDIDIK BESTARI 2018, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

1. Borang tawaran sebut harga hendaklah dihantar sebelum atau pada jam 3.00 petang sebelum atau pada **06 OKTOBER 2017 (JUMAAT)**. Semua dokumen manual yang dihantar, **MESTI** dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat ke:

**PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN,
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK,
JALAN TEMENGGONG, OFF JALAN PASIR PUTEH,
31650, IPOH, PERAK.
TEL: 05-242 3727**

2. Harga dokumen adalah sebanyak **RM50.00 (tidak dikembalikan)**. Dokumen terdiri daripada Spesifikasi, cadangan kandungan buku, borang Sebut Harga dan Buku Pendidik Bestari (selagi stok masih ada). Bayaran hendaklah dibuat secara tunai kepada Urus Setia, Persatuan Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pendidikan Perak (PSKPP Perak).
3. Tawaran sebut harga **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya:
 - 3.1. Pembekal **LEWAT** mengemukakan tawaran Sebut Harga sama ada secara manual atau pos atau kedua-duanya;
 - 3.2. Pembekal **GAGAL** mengemukakan dan menghantar borang Sebut Harga;
4. **PSKPP Perak tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.**
5. Pembekal tidak dibenarkan mengubah atau meminda sebarang kandungan, terma atau perkataan di dalam Borang Sebut Harga selain untuk tujuan mengisi maklumat dan tawaran. PSKPP Perak berhak menolak sebut harga yang melanggar syarat ini.
6. Pembekal hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam Dokumen Sebut Harga serta menyemak kandungan Dokumen Sebut Harga dengan **TELITI** sebelum mengisi Borang Sebut Harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan, mengakibatkan tawaran Sebut Harga tersebut tidak dipertimbangkan.
7. Semua lampiran dalam Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan **LENGGAP**.
8. Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah **dipotong dan ditandatangani ringkas** oleh individu yang menandatangani Borang Sebut Harga. **PENGGUNAAN SEBARANG PEMADAM CECAIR ADALAH TIDAK DIBENARKAN.** Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan, membolehkan Sebut Harga tersebut tidak dipertimbangkan/ditolak.

**ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA
MENERBIT, MENCETAK, MEMBEKALKAN, KEMASKINI DAN MENGHANTAR
BUKU PENDIDIK BESTARI 2018, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK**

9. PERLANGGARAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

- 9.1 Pembekal yang tidak mematuhi syarat-syarat Sebut Harga boleh dikenakan tindakan seperti berikut;
- 9.1.1 Kesalahan Melanggar Syarat Sebut Harga
- i) Menarik Diri
 - ii) Pakatan Harga
 - iii) Memalsukan Maklumat Dengan Tujuan Menyertai Sebut Harga
- 9.1.2 Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Sebut Harga
- i) Lewat Bekalan
 - ii) Kurang Bekalan
 - iii) Tidak Menepati Spesifikasi
 - iv) Tiada bekalan
- 9.1.3 Jenis-Jenis Tindakan/ Hukuman
- i) Amaran
 - ii) Denda
 - iii) Penamatan Kontrak
 - vi) Senarai Hitam Syarikat
 - vii) Pemojangan bayaran sebanyak 5% bagi setiap hari kelewatan penghantaran BPB2018

10. SURAT SETUJU TERIMA

- 10.1 PSKPP Perak adalah berhak menyetujui terima sebut harga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagiannya daripadanya. PSKPP Perak tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
- 10.2 **Keputusan PSKPP Perak adalah muktamad.** PSKPP Perak tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada pembekal mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.
- 10.3 Pembekal yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan PSKPP Perak dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut.
- 10.4 Semua bahan penghasilan diari, rekabentuk, dan hal-hal berkaitan penerbitan diari sama ada berbentuk "Hard Copy dan Soft Copy" adalah milik PSKPP Perak.

11. Sebarang arahan dan syarat yang terkandung, pihak PSKPP Perak berhak membuat sebarang pindaan dari semasa ke semasa.